



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM "*CLEAN UP
THE WORLD*" 2018

TARIKH / MASA / TEMPAT

15 SEPTEMBER 2018 (SABTU)
11.00 PAGI

AUTOCITY JURU
BUKIT MERTAJAM

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod
Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha Puan Chew Hooi Mei
Naib Pengerusi Eksekutif National (National Executive Vice President)
Junior Chamber International (JCI)

Yang Berusaha Encik Vincent Tan Yeong Ming
Pengerusi
Jawatankuasa Penganjur JCI '*Clean Up The World*' 2018

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ahli-Ahli JCI

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama hadir pada hari ini di Majlis Penutupan Program "*Clean Up The World*" 2018 di Auto City, Juru. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan strategik MPSP, *iaitu Junior Chamber International Area Peninsular North (JCI APN)* yang berjaya menganjurkan Program *Clean-up The World 2018* di AutoCity Juru. Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan AutoCity Juru yang telah memberikan ruang untuk pelaksanaan program ini. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada para hadirin sekalian yang sudi hadir dan melibatkan diri dalam menjayakan program pada hari ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian;

World Clean Up Day, yang diadakan setiap tahun pada 15 September, adalah merupakan hari di mana sukarelawan di seluruh dunia akan bersatu dalam usaha membersihkan sampah di muka bumi. Pergerakan *World Clean Up Day* telah diilhamkan melalui peristiwa yang berlaku di Estonia sepuluh tahun yang lalu di mana 4% dari penduduknya

telah keluar bersama-sama untuk membersihkan sampah yang dibuang secara haram dalam tempoh beberapa jam. Langkah yang telah dibuat ini kemudian menjadi inspirasi kepada seluruh dunia untuk mengembleng tenaga bagi menjayakan aktiviti ini setiap tahun mengikut formula “satu hari, satu bumi, satu matlamat”.

Ini adalah permulaan pergerakan sivik secara global yang telah tersebar luas di seluruh dunia di mana ianya telah menyatukan orang dari seluruh penjuru bumi untuk bekerja bersama dalam membersihkan sampah dunia.

Pergerakan ini tidak semata-mata adalah mengenai pembersihan sampah, MALAH ia juga berfungsi untuk meningkatkan kesedaran global dan melaksanakan perubahan yang berpanjangan untuk menamatkan masalah sisa sampah secara global.

World Clean Up Day adalah pergerakan sivik secara besar-besaran atau global dengan misi untuk menghubungkan dan memperkasakan orang dan organisasi di seluruh dunia untuk mewujudkan bumi yang bersih. Pada tarikh 15 September 2018, adalah dijangkakan seramai 17 juta orang sukarelawan dan rakan kongsi dari 150 negara di seluruh dunia akan bersama-sama menyertai pergerakan ini untuk membersihkan lebih

daripada 500,000 tan sisa sampah di kawasan pantai, sungai, hutan dan kawasan perbandaran.

Keistemewaan *World Clean Up Day* terletak pada kerjasama manusia sejagat dalam membina jambatan antara semua lapisan masyarakat yang berbeza - *dari rakyat, kepada perniagaan, kepada kerajaan.*

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian;

MPSP juga tidak mahu ketinggalan dan telah turut menggembeng tenaga bersama-sama dengan Junior Chamber International Malaysia (JCIM) bagi menjayakan misi *World Clean Up Day* pada 15 September 2018, iaitu hari ini, untuk membersihkan bumi.

Junior Chamber International Malaysia (JCIM) diperkenalkan di Malaysia (kemudian Persekutuan Tanah Melayu) pada tahun 1954. Kini, JCIM mempunyai 62 cawangan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan 1,946 ahli dan lebih daripada 10,000 ahli alumni.

Bersempena dengan Sambutan *World Clean Up Day*, JCIM telah mengambil inisiatif untuk menjadikan program ini lebih bermakna dengan mengkategorikan sisa sampah dan berhasrat untuk memperbaharui rekod

Pengumpulan Buangan Kitar Semula Yang Terbesar dalam *Malaysia Book of Records*. Penyertaan 58 cawangan JCI seluruh Malaysia menasarkankan kutipan sisa sampah seberat 7,500 kg dalam tempoh satu hari. Manakala, di Seberang Perai, enam (6) cawangan JCI menasarkankan beratan barangan kitar semula yang perlu dikutip sebanyak 2,000kg. Bilangan peserta yang dijangkakan menyertai program pembersihan ini adalah seramai 600 orang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian;

Pihak-pihak yang telah menjayakan Program *World Clean Up Day* pada hari ini, selain MPSP, adalah daripada;

1. JCI yang juga merupakan penganjur program yang terdiri dari enam (6) organisasi JCI tempatan dari Kawasan JCI APN iaitu:
 - a. JCI Batu Kawan,
 - b. JCI Bukit Mertajam,
 - c. JCI Pearl,
 - d. JCI Butterworth City,
 - e. JCI Perai dan
 - f. JCI United Penang;

2. Sekolah-sekolah rendah terpilih iaitu;
 - a. SRJK(C) Keng Koon,
 - b. SJK(C) Li Hwa
 - c. SRJK(C) Mak Mandin
 - d. SJK(C) Seng Keow
 - e. SRJK(C) True Light

3. Orang ramai.

Pagi tadi pada jam 8.00 kumpulan JCI APN bersama guru-guru dan murid-murid sekolah serta orang ramai yang menyertai program ini telah bergerak ke kawasan-kawasan perumahan dan tempat kegemaran yang telah ditetapkan. Lokasi tumpuan adalah:-

- 1) Taman Perkasa, Taman Meranti Indah, Taman Seri Ceraya
- 2) Perkampungan Juru, Taman Cendana, Taman Sukun Indah, Taman Sentul Jaya
- 3) Taman Mekar, Taman Segar Indah, Taman Bayu, Kawasan Perindustrian Mak Mandin
- 4) Taman Kelisa Emas, Taman Janggus Jaya, Taman Naluri
- 5) Taman Idaman, Taman Tambun Indah, Taman Tambun Jaya

Semasa di lokasi program, kumpulan pelajar dan orang ramai bersama-sama dengan JCI dan MPSP telah melaksanakan kerja-kerja pengutipan sampah (*plogging*) di samping mengedarkan risalah dan menjalankan pendidikan kitar semula bagi mewujudkan kesedaran kepada orang awam bagi menjaga kebersihan. Kutipan barangan kitar semula juga dibuat dari premis ke premis.

Pada jam 10.00 pagi, JCI dan para pelajar kembali ke sekolah bersama sampah sarap dan barangan kitar semula yang telah berjaya dikutip. Barangan kitar semula diambil dan dibawa ke pengusaha kitar semula dan dijual. Berat barangan kitar semula tersebut akan direkod untuk kiraan keseluruhan dan akan diumumkan sebentar lagi. Hasil jualan barangan kitar semula tersebut pula akan diserahkan kepada sekolah yang membuat kutipan tadi.

Pada hari ini juga, program *World Clean Up Day* turut diadakan di Taman Sembilang, dengan kerjasama MPSP, Think City, JCI Bayan dan Penggerak Komuniti Muda, Pulau Pinang (PEKA). Orang ramai dijangkakan akan membawa barangan kitar semula untuk dijual kepada PLB Eco Solution yang turut membuka *booth* bagi pembelian barangan tersebut. Berat kitar semula ini akan diambil kira untuk *Malaysia Book Of Records*. Sasaran kutipan bagi program di sana adalah 150kg.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian;

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mensasarkan kemakmuran hidup sebenar dapat dinikmati rakyat, selain Pulau Pinang dikenali sebagai negeri hijau di Malaysia. Untuk mencapai sasaran tersebut, Kerajaan Negeri telah menggagaskan wawasan pembangunan negeri iaitu *Penang2030* (Pulau Pinang 2030), yang terdiri dari empat tema utama;

1. Meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk;
2. Mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah;
3. Memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil; dan
4. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

Segala polisi yang diperincikan di bawah *Penang2030*, memberi tumpuan terhadap aspek pembangunan kekeluargaan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negari hijau dan pintar, serta lonjakan ekonomi dan pembentukan rakyat sivil.

MPSP komited dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan Pulau Pinang negeri hijau di Malaysia dan Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa dengan tumpuan kepada aspek pembangunan mampan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi.

Dengan menjadikan “*Seberang Perai is for All*” sebagai *guiding principal*, MPSP telah memacu ke arah menjadikan Seberang Perai “*Smart Sustainable City*” dengan visi “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi**”. MPSP telah menyediakan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 yang merupakan dokumen hala tuju MPSP bagi tempoh lima (5) tahun dan merupakan satu (1) perancangan atau komitmen MPSP kepada semua *stakeholders* di Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP. Visi ini dapat dicapai dengan penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

MPSP serius dalam menguruskan sisa pepejal dengan sempurna dan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam melaksanakan dasar pengasingan sisa di punca. Dasar ini telah membantu dalam meningkatkan lagi kadar kitar semula Seberang Perai yang telah mencatat 38% pada tahun 2016 dan telah meningkat kepada 43.25% pada tahun 2017 dan

seterusnya mensasarkan peningkatan kadar kitar semula tahunan sebanyak 7% dan mencapai 70% kadar kitar semula, menjelang tahun 2022 seperti di dalam Pelan Strategik MPSP. Selai itu, MPSP juga mensasarkan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022. Kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurangan daripada 1.6kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8kg/orang/hari pada tahun 2022.

Untuk mencapai hasrat ini MPSP memperkenalkan MPSP *Smart Consumption Model 8R*, *Smart Partnership 7Ps*, *Upcycle Carnival* bersama JCI, *Growth Market* bersama Auto City, *Car Free Morning* bersama MyShape dan Think City, *Eco Therapy* melalui *Forest Bathing* dan program *Care for the Elderly* bersama MNC, program penanaman pokok dsb. Selain itu, saya bersama Ahli Majlis, Wakil ADUN, JKKK, Ketua-Ketua Jabatan dan kakitangan juga sering turun padang dalam “**Management By Walking Around**” untuk memberi penjelasan dan menyelesaikan sebarang masalah penduduk Seberang Perai. Dengan sikap proaktif sebegini melalui kaedah mendengar masalah penduduk dan mencari penyelesaian telah menaikkan imej korporat MPSP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian;

Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MPSP dalam menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Saya amat berterima kasih kepada pihak swasta, sekolah-sekolah dan para penduduk Seberang Perai yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah pembentukan sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Kepada para peserta program pada hari ini, syabas dan tahniah atas usaha dan kesungguhan dalam menjayakan program ini. Terima kasih sekali lagi dan tahniah diucapkan kepada pihak JCIM di atas penganjuran program ini dan atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam menjayakan program-program bersama MPSP. Kerjasama MPSP dengan JCI ini bukan julung kali diadakan dan diharap kerjasama yang baik ini diteruskan dari masa ke semasa. Melalui program ini juga diharap Warga Seberang Perai akan lebih menghargai alam sekitar, dan menjadikan kebersihan alam sekitar sebagai

satu gaya hidup sejajar dengan matlamat Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH, saya merasmikan Majlis Penutupan Program “Clean Up The World” 2018.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.